



Headline: Macau Scam: Juruteknik rugi RM470,000  
Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 11 July 2021

Language: Malay  
Section: Nasional  
Page: 14

# Macau Scam: Juruteknik rugi RM470,000

Terima panggilan daripada seorang lelaki yang menyamar wakil LHDN

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI

**SEREMBAN**

**S**eorang juruteknik kerugian RM470,000 akibat diperdaya sindiket Macau Scam pada Rabu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Negeri Sembilan, Superintendan Aibee Abd Ghani berkata, lelaki berusia 57 tahun itu menerima panggilan daripada seorang lelaki yang menyamar sebagai wakil dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) Alor Setar, Kedah.

“Lelaki itu memperkenalkan diri sebagai David Simon dan memberitahu nama pengadu telah disejarai hitam kerana tidak melunaskan pembayaran cukai tertunggak sebanyak RM17,600.76 atas nama sebuah syarikat yang didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia di Alor Setar.

“Suspek memberitahu ada tangkapan telah dibuat terhadap seorang lelaki bernama Mohd Faisal Ariffin yang mempunyai akaun bersama yang didaftarkan dengan mangsa,” katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Aibee berkata, mangsa menafikan perkara itu dan panggilan telah disambungkan kepada Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah.



**AIBEE**

“Mangsa diarahkan untuk memberi maklumat semua akaun bank yang ada berserta kata laluan dan nombor pada kad mesin juruwang automatik (ATM).

“Suspek kemudian meminta mangsa buat beberapa transaksi ke akaun yang diberikan bagi tujuan pemeriksaan.

“Mangsa juga telah menerima beberapa khidmat pesanan ringkas (SMS) dan diminta menghantar tangkapan layar SMS itu kepada seorang polis melalui WhatsApp di talian 87004734221,” katanya.

Beliau berkata, mangsa menyedari tertipu apabila melihat semula mesej yang dihantar sebelum menghubungi pihak bank untuk menyekat akaunnya dan membuat laporan polis pada Jumaat.